



جامعة إسلامية ماليزية

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
Blok A & B, Kompleks Islam Putrajaya
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman
Presint 3, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 7000
Faks : 603-8870 7707
Portal Rasmi : www.islam.gov.my

Ruj. Kami : JAKIM.BPI.800-5/1/1 Jld. 7 (26)
Tarikh : 9 Oktober 2017

Semua Penerima Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) Jakim

الله لا يعول على نعمته

Tuan/Puan,

PROSEDUR PERMOHONAN PENANGGUHAN PENGAJIAN BAGI PENERIMA SKIM PEMBIAYAAN HAFIZ (SPH) JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

Dengan hormatnya saya menarik perhatian tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah mengeluarkan satu Prosedur Permohonan Kebenaran Penangguhan Pengajian bagi Penerima Skim Pembiayaan Hafiz bertujuan menjelaskan tatacara permohonan kebenaran Penangguhan Pengajian yang wajib dipatuhi oleh penerima Skim Pembiayaan Hafiz (SPH).
3. Prosedur Permohonan Kebenaran Penangguhan Pengajian Bagi Penerima Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) boleh dirujuk seperti di **Lampiran A**. Pihak tuan/puan juga hendaklah mengisi borang tersebut secara atas talian di alamat <http://sph.islam.gov.my>.
4. Prosedur ini berkuatkuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan. Kerjasama dan perhatian tuan/puan amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian, wassalam.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(HAJAH ZAWANAH BINTI MUHAMMAD)
Pengarah
Bahagian Pembangunan Insan
b.p Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**PROSEDUR PERMOHONAN PENANGGUHAN PENGAJIAN BAGI
PENERIMA SKIM PEMBIAYAAN HAFIZ (SPH)
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)**

TUJUAN

Prosedur ini bertujuan untuk menetapkan tatacara permohonan penangguhan pengajian bagi pelajar tajaan Skim Pembiayaan Hafiz (SPH), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

LATAR BELAKANG

2. Prosedur Permohonan Penangguhan Pengajian ini merupakan satu panduan kepada para Pelajar yang ingin memohon kebenaran penangguhan pengajian.

3. Prosedur ini juga membantu Pelajar memahami tatacara permohonan kebenaran penangguhan pengajian sebagaimana yang diperuntukkan dalam sub Klaus 5.1 (e), Perjanjian SPH yang menyatakan seperti berikut:

"PELAJAR tidak boleh melanjutkan tempoh dan/atau menangguhkan Pengajiannya tanpa mendapat kebenaran daripada KERAJAAN terlebih dahulu."

4. Prosedur ini juga bagi mengelakkan Pelajar daripada melanggar Perjanjian SPH yang boleh menyebabkan SPH ditamatkan dan Pelajar perlu membayar sejumlah wang sebagai ganti rugi kepada pihak Kerajaan Malaysia.

5. Pihak JAKIM akan menangguhkan pemberian SPH kepada Pelajar bagi semester penangguhan sehingga Pelajar menyambung semula pengajiannya. Pelajar

LAMPIRAN A

hendaklah memaklumkan kepada pihak SPH secara bertulis mengenai penyambungan semula pengajiannya.

6. Sebarang permohonan pelanjutan tempoh tajaan disebabkan penangguhan pengajian tidak akan dipertimbangkan oleh Jabatan ini. Oleh itu, segala kos perbelanjaan pengajian ditanggung sendiri oleh Pelajar.

TATACARA PERMOHONAN PENANGGUHAN PENGAJIAN

1. Para Pelajar yang ingin memohon kebenaran penangguhan pengajian hendaklah melalui proses berikut :

- 1.1 Mengemukakan permohonan secara atas talian **sekurangnya-kurangnya tiga (3) bulan sebelum penangguhan**.
- 1.2 Mengisi dengan lengkap Borang Permohonan Kebenaran Penangguhan Pengajian secara atas talian di <http://sph.islam.gov.my>.
- 1.3 Pelajar hendaklah memuat naik dokumen seperti berikut :
 - 1.3.1 Surat Kelulusan penangguhan dari Universiti.
 - 1.3.2 Surat cuti dari Doktor sekiranya cuti bersalin / sakit
 - 1.3.3 kalendar Akademik (**semester semasa dan semester berikut**).
- 1.4 Pelajar hendaklah memaklumkan kepada Jakim apabila menyambung semula pengajian dan menyertakan surat pengesahan pengajian.

2. Pelajar akan menerima surat pemakluman berhubung keputusan permohonan penangguhan pengajian daripada pihak Jakim melalui email atau pos.

LAMPIRAN A

3. Pelajar hendaklah mengisi dengan lengkap kesemua ruang yang terdapat di dalam borang permohonan secara atas talian. Borang secara atas talian yang tidak lengkap boleh menyebabkan pihak SPH menolak permohonan pelajar.

IMPLIKASI PENANGGUHAN

4. Jakim tidak akan membayar elaun sara hidup dan yuran semua penangguhan.
5. Jakim tidak akan melanjutkan tajaan SPH kepada pelajar.

PINDAAN

6. Apa-apa pindaan kepada prosedur ini tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah Jakim.